

Najib Tiba Di London Untuk Lawatan Kerja Empat Hari Ke UK
Bernama
1 Julai, 2013
Daripada Hafizah Kamaruddin

LONDON, 1 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak tiba di sini Isnin untuk melakukan lawatan kerja empat hari ke United Kingdom (UK) bagi mengeratkan lagi hubungan antara kedua-dua negara.

Najib, yang diiringi isteri Datin Seri Rosmah Mansor, mendarat di Lapangan Terbang Farnborough, lebih kurang 43km dari sini pada kira-kira 7 pagi waktu tempatan, dari Tanzania, selepas menghadiri Dialog Perkongsian Pintar Global di Dar es Salam.

Ketibaan mereka disambut Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke UK Datuk Seri Zakaria Sulong dan isteri Datin Hazizah Ahmad.

Najib dijadual merasmikan upacara pecah tanah projek Stesen Janakuasa Battersea berharga lapan bilion pound bersama rakan sejawatan beliau dari Britain David Cameron, Khamis ini.

Projek terbesar Malaysia di UK ini dimajukan Battersea Project Holding Company Ltd, sebuah syarikat usaha sama milik konsortium Malaysia yang dianggotai SP Setia, Sime Darby dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Sebelum itu, Najib dijangka mengadakan mesyuarat dua hala dengan Cameron untuk bertukar pendapat tentang perkara dua hala serta isu serantau dan antarabangsa yang menjadi kepentingan bersama Malaysia dan UK.

Ketika di London, Najib juga dijadual menghadiri taklimat media mengenai Forum Ekonomi Islam (WIEF) Ke-9 yang akan berlangsung di sini dari 29 hingga 31 Julai, WIEF pertama diadakan bukan di negara Islam.

Beliau dijangka berucap pada majlis itu yang dihoskan Sekretariat WIEF dan Pejabat Datuk Bandar bagi mempromosi London WIEF.

Pada Selasa, beliau dijadual merasmikan IM4U Outreach Centre, suatu inisiatif berterusan kerajaan untuk mendampingi rakyat Malaysia yang tinggal di luar negara dan menjalin hubungan dengan generasi muda.

Pada Rabu pula, perdana menteri akan mengadakan perjumpaan dengan kumpulan kedua pelajar tajaan Felda seramai 130 orang yang menjalani latihan tiga bulan di Limkokwing University di sini.

Beliau juga dijadual menghadiri majlis jamuan teh bersama Rakan Barisan Nasional United Kingdom (FBNUK) yang dihoskan Lord Sheikh di House of Lords pada petang Rabu.

Perdana menteri dijangka berlepas pulang ke tanah air pada Khamis malam.

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=960062>